# PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG

## KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

13 FEB 2017
ISNIN

| AKHBAR | TAJUK BERITA | M/S |
|---|---|---|
| THE STAR | STERN WARNING TO OPERATORS | 2 |
| BERITA HARIAN | HARAP PERTEMUAN BERI KESAN POSITIF | 3 |
| HARIAN METRO | MAKAN BERTEMU ANJING | 4 |



# THE STAR

STARMETRO, MONDAY 13 FEBRUARY




Tee (seventh from left) with sponsors at the Pasir Gudang World Kite pre-launch.

## Stern warning to operators

### Boat passengers told to report if safety regulations and procedures not followed

By ZAZALI MUSA
zaza@thestar.com.my

**JOHOR BARU:** The state authorities will not compromise on the safety of passengers on boats.

Johor Tourism, Domestic Trade and Consumerism committee chairman Datuk Tee Siew Kiong warned stern action would be taken against boat operators who fail to adhere to safety regulations and procedures.

"We have not received reports of unlicensed boat operators ferrying passengers to the islands, nevertheless we are keeping our eyes open," he said in a press conference at the pre-launch of the 22nd Pasir Gudang World Kite Festival 2017.

The festival would be held from Feb 22 to 26 at Bukit Layang-Layang and Pasir Gudang Municipal Council field in Pasir Gudang.

A total of 40 countries with 120 participants will be taking part in the event including Australia, Brazil, China, France, Germany, Indonesia, Japan, Singapore, Russia and Ukraine.

Tee also urged boat passengers to lodge reports with the Marine Department if operators fail to provide life jackets or if the boat is overloaded.

In the Jan 28 mishap, a catamaran with several Chinese tourists on board capsized on its way to Pulau Mengalum in Sabah, resulting in several fatalities.

On a separate matter, Tee said the state government would get more details on AirAsia's decision to stop the thrice weekly service was the Johor Baru to Bandung, Indonesia.

"I do not have information on that and will get in touch with Senai Airport," he said.

Tee said the airline's decision to stop the thrice weekly service was probably due to low passenger load.

Senai International Airport chief executive officer Md Deric Basir said the airline had stopped the service on Jan 10, the day it started flying from Johor Baru to Jakarta.




Tee looking at a kite being made during the event.

# BERITA HARIAN

TUNTUTAN CUEPACS SEMAK SEMULA ELAUN KAKITANGAN

## Harap pertemuan beri kesan positif

BH 13/2/2017)

CUEPACS sudah serah tuntutan kepada JPA pada 20 Januari lalu

Oleh Mohd Azrone Sarabatin
azrone@bh.com.my

Kuala Lumpur

CUEPACS akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa, berhubung tuntutan kesatuan itu agar kerajaan menyemak semula elaun kakitangan awam, Jumaat ini.

Presidennya, Datuk Azih Muda, berkata tuntutan itu sudah diserahkan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 20 Januari lalu.

Katanya, sebelum ini CUEPACS diminta memperhalusi terma tuntutan supaya sejajar dengan Laporan Jawatankuasa Kabinet 1976 (JKK 1976) dan Sistem Saraan Malaysia.

Mengikut SSB, prinsip saraan diterima pakai sebagai asas penetapan struktur gaji, elaun dan kemudahan kakitangan awam serta syarat perkhidmatan.

"Kami meminta supaya terma semakan gaji digunakan dalam sektor swasta diperluaskan dalam sektor awam kerana Timbalan Perdana Menteri (Datuk Seri Dr Ahmad Zahid) sudah memberi jaminan kepada CUEPACS bahawa tuntutan kami akan dibincang dalam mesyuarat Kabinet, Disember lalu.

### Fakta nombor

**14 TAHUN**
elaun penjawat awam tidak disemak

**1.6 JUTA**
penjawat awam

### Harap pertemuan buka ruang

"Diharapkan pertemuan kami dengan Ali akan membuka ruang kepada semakan semula elaun kakitangan awam dan tuntutan lain penjawat awam di negara ini," katanya kepada *BH*, semalam.

Pada 19 Disember, Ahmad Zahid ketika merasmikan Konvensyen Kongres Tritahunan CUEPACS Ke-27, memberi jaminan tuntutan semakan semula elaun kakitangan awam akan dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet kerana elaun berkaitan sudah tidak disemak selama 14 tahun.

Beliau dilaporkan berkata, Menteri Sumber Manusia, Datuk Richard Riot Jaem, akan membawakan tuntutan itu untuk dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet pada 21 Disember lalu.

Azih berkata, susulan pengumuman Ahmad Zahid, pihaknya mengadakan pertemuan dengan JPA berhubung tuntutan berkenaan.

Katanya, pihaknya bersetuju dengan cadangan JPA demi kepentingan penjawat awam dan kini dalam proses melakukan penambahbaikan terhadap terma digunakan, sebelum mengadakan pertemuan susulan dengan pihak terbabit.

"Kami juga bercadang mengadakan pertemuan dengan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam, Datuk Seri Zainal Rahim Seman untuk membincangkan tuntutan berkenaan, dalam tempoh terdekat," katanya.

### Tunggu semakan

Dalam pada itu, Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP), Kamarozaman Abd Razak, berkata pihaknya sedang menunggu semakan semula itu kerana turut meliputi warga pendidik.

"Kami difahamkan ia (tuntutan) belum dibawa ke mesyuarat Kabinet seperti diminta Timbalan Perdana Menteri.

"Kami merayu kepada Menteri Sumber Manusia agar membawa segera tuntutan ini ke Kabinet secepat mungkin," katanya.



# HARIAN METRO

# Makan bertamu anjing

*Pelanggan medan selera tidak selesa haiwan liar berkeliaran*

Omar Ahmad
am@hmetro.com.my



KAWASAN Medan Selera kebayan yang sering didatangi anjing liar.

**Pasir Gudang** HM 13/2/17

Kehadiran kumpulan anjing liar di kawasan Medan Selera Kebayan, Jalan Timah di sini, mengundang rasa kurang senang peniaga dan pelanggan untuk menikmati hidangan.

Peniaga gerai makanan, Jemah Jaafar, 52, berkata, jumlah anjing liar itu terlalu banyak sehingga pernah mencecah lima ekor pada satu-satu masa terutama waktu pagi dan tengah hari.

Katanya, masalah itu sudah berlarutan hampir setahun dan kedatangan anjing liar semakin bertambah sejak dua bulan lalu.

"Medan selera ini menjadi tumpuan pekerja kilang dan pemandu lori di Kawasan Perindustrian di sini, untuk makan pada waktu rehat.

"Pelanggan kami kebanyakannya beragama Islam dan mereka mengadu kurang selesa dan geli apabila melihat anjing liar berkeliaran di medan selera ini.

"Ia menimbulkan rasa takut terutama kepada pelanggan wanita," katanya.

Menurut Jemah, anjing terbabit datang untuk mencari makanan mungkin disebabkan lapar akibat dibiarkan hidup terbiar tanpa tuan.

"Mungkin anjing liar terbabit mempunyai tuan kerana sebelum ini tiada masalah anjing liar di kawasan ini.

"Saya rasa anjing ini dulu dipelihara untuk menjaga keselamatan kilang, tetapi terbiar kerana terdapat beberapa kilang yang kosong kerana ditutup," katanya.

Bagi pekerja kilang, Hairul Nizan, 33, kehadiran anjing liar itu tidak disukai kerana sifat haiwan itu yang kasar berbanding kucing.

Katanya, setiap kali makan pasti ada akan ada anjing liar berkeliaran.

"Saya rasa tidak selesa kerana kita perlu sentiasa berjaga-jaga setiap kali hendak makan kerana takut sekiranya anjing ini terlalu dekat dengan kita.

"Kalau kucing lain sikit, walaupun mengganggu, tetapi kucing itu boleh dipegang dan tidak perlu disamak jika terkena berbanding anjing.

"Sebelum cuti Tahun Baru Cina yang lalu, terdapat lori Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG) datang menangkap lima anjing liar di kawasan ini.

"Saya harap langkah MPPG ini berterusan kerana masalah anjing liar ini sentiasa ada dan kadang-kala ketika mereka mencari, anjing ini tidak ditemui, namun selepas beredar, ada saja anjing ini datang semula," katanya.

Sementara itu, Yang Dipertua MPPG Hasrin Kamal Hashim berkata, pihaknya melalui Bahagian Kesihatan sudah menangkap lima anjing liar di kawasan medan selera itu menerusi satu operasi khas.

"Kami akan teruskan pemantauan anjing liar ini dari semasa ke semasa," katanya.